

INFOGRAFIK

Dunia makin panas

➔ Cetus fenomena cuaca ekstrem, 1.2 darjah Celsius lebih tinggi berbanding suhu sebelum Revolusi Perindustrian

BH
20/11/16
M15 18

Oleh **Ahmad Suhael Adnan**
Ahmad.suhael@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Delegasi Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Marrakech, Maghribi, pada Isnin lalu dimaklumkan 2016 dijangka mencatatkan tahun terpanas dalam sejarah.

Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), agensi kendalian PBB mendedahkan data suhu hingga Oktober tahun ini adalah 1.2 darjah Celsius lebih tinggi daripada suhu sebelum Revolusi Perindustrian.

Fenomena El Nino menyumbang kepada peningkatan suhu pada awal tahun, namun selepas ia berakhir, suhu dunia kekal meningkat.

Ia dapat dilihat dengan fenomena cuaca ekstrem di seluruh dunia sepanjang tahun ini, antaranya suhu tertinggi di Thailand, iaitu 44.6 darjah Celsius dan India (51 darjah Celsius), gelombang haba serta kemarau berpanjangan di Afrika, kebakaran paling buruk di Kanada dan Taufan Meranti yang

di udara.

Malaysia tidak ketinggalan dengan fenomena cuaca ekstrem apabila dilanda El Nino pada awal tahun menyebabkan banyak sekolah diarahkan tutup, serangan strok haba, kemarau dan empangan kering.

Apabila El Nino berakhir, fenomena La Nina pula melanda negara menyebabkan jumlah hujan yang diterima lebih tinggi daripada kebiasaan.

Ia menyebabkan berlaku banjir dan banjir kilat apabila taburan hujan yang diterima melebihi kapasiti yang mampu ditampung oleh sistem saliran sedia ada.

Pemanasan global

Pakar Klimatologi dan Oseanografi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin Tangang, berkata fenomena cuaca ekstrem bukan perkara luar biasa, namun peningkatan suhu global tahun ini mungkin berpunca daripada El Nino yang terkuat pernah direkodkan.

"Pada masa sama, pemanasan global turut berlaku. Laporan Penilaian Kelima Perubahan Iklim Antara-Kerajaan (IPCC) menun-

Info

Antara insiden cuaca ekstrem di dunia sepanjang 2016

➔ **Taufan Meranti** yang disifatkan paling ganas di dunia membadai Taiwan pada 14 September, menyebabkan sekolah dan premis perniagaan di seluruh negara itu terpaksa ditutup.



Kesan rumah hijau

➔ **Atmosfera memerangkap tenaga matahari** bagi memanaskan Bumi, namun kesan pemanasan bertambah dengan pelepasan gas tertentu.

➔ **Peningkatan karbon dioksida** dan gas rumah hijau menyumbang kepada perubahan iklim.

➔ **China dan Amerika Syarikat** menyumbang kira-kira 40 peratus pelepasan gas rumah hijau global.

➔ **Saintis meramalkan** suhu bumi boleh meningkat enam darjah Celsius dalam tempoh seabad.

➔ **Keadaan pemanasan** ini dipanggil pemanasan global atau perubahan iklim



disifatkan paling ganas di dunia membadai Taiwan.

Guna banyak bahan api

Setiausaha Agung WMO, Petteri Taalas, berkata perubahan suhu secara dramatik berpunca daripada penggunaan lebih banyak bahan api fosil seperti minyak, gas dan arang batu, menyebabkan peningkatan kepekatan gas karbon dioksida, metana dan nitrus oksida

“Fenomena La Nina memang sedang berlaku ketika ini, namun intensitinya adalah lemah. Bagaimanapun, ia masih boleh meninggalkan kesan pada kawasan tertentu,” katanya.

Beliau berkata, El Nino dan peningkatan suhu juga menyebabkan insiden anomali di beberapa bahagian dunia.

“Fenomena La Nina memang sedang berlaku ketika ini, namun intensitinya adalah lemah. Bagaimanapun, ia masih boleh meninggalkan kesan pada kawasan tertentu,” katanya.

Kesan

- Banjir
- Taufan
- Gelombang haba
- Kemarau
- Peningkatan paras laut
- Kebakaran hutan
- Kepupusan haiwan

→ **Paras tasik Galilee** di Israel kini menyusut ke paras terendah selepas jumlah air yang mengalir dari Sungai Jordan ke tasik itu pada bulan lalu merekodkan pengaliran paling rendah sejak 90 tahun lalu.

→ **Paras tasik** itu pada bulan lalu jatuh sebanyak 15 sentimeter (sm) kepada 71 sm, di bawah garisan merah.



Kronologi insiden cuaca ekstrem di Malaysia pada tahun 2016

16 OKTOBER

→ **380 mangsa dari 90 keluarga** di Selangor dipindahkan berikutan fenomena air pasang besar yang melanda Pantai Barat Semenanjung dengan ombak setinggi 5.7 meter.

18 OGOS

→ **388 penternak ikan air tawar** di Pahang kerugian lebih RM7.45 juta akibat fenomena El Nino apabila ikan mati dan terbantut kerana cuaca panas melampau.

18 JULAI

→ **Teluk Bahang di Georgetown** mengalami antara banjir kilat terburuk apabila air naik hingga paras pinggang ketika La Nina mula melanda.

4 JUN

→ **Bukit Jalil, Sungai Besi** dan Serdang dilanda hujan batu sebesar syiling 20 sen dalam tempoh 20-25 minit.



30 MEI

→ **Fenomena La Nina** atau hujan berlebihan yang dijangka berlaku mulai Jun hingga Oktober berkemungkinan meningkatkan kes denggi - Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

12 MEI

→ **Ratusan kenderaan terperangkap** dalam kesesakan, dengan lebih 20 kenderaan ditenggelami air paras pinggang dalam banjir kilat yang melanda beberapa ibu negara berikutan hujan lebat.

